

Jenis Akhbar : Sinar Harian

Tarikh : 22/06/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 39

Tajuk : Abdul Fattah dipilih sebagai Presiden MOPDA

Abdul Fattah dipilih sebagai Presiden MOPDA

KUALA LUMPUR - Datuk Abdul Fattah Abdullah menang tanpa bertanding bagi jawatan Presiden Persatuan Peniaga Kelapa Sawit Malaysia (MOPDA).

Beliau yang juga Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dipilih secara sebulat suara oleh ahli Majlis Lembaga Pengarah MOPDA pada Mesyuarat Agung ke-9 2019 MOPDA di sini semalam.

Abdul Fattah berkata, beliau komited untuk meneruskan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya.

"Saya berterima kasih kepada ahli jawatankuasa kerana mereka telah banyak memainkan peranan selama ini.

"Matlamat kita dengan adanya persatuan ini kita dapat terus membantu terutama ahli dalam mening-



ABDUL FATTAH

katkan mutu penghasilan minyak sawit yang lebih baik dari masa ke semasa menerusi pelbagai program dan pendekatan," katanya pada sidang akhbar selepas majlis berkenaan semalam.

Menurutnya, beliau kini dalam usaha menggalakkan ahli MOPDA melaksanakan pensijilan Minyak Sawit Mampan (MSPO) yang bertujuan

meningkatkan profil tanaman itu di pasaran global.

"Kita berusaha untuk pastikan ahli menerima sijil tersebut menjelang 31 Disember ini.

"Pada masa sama, MOPDA juga giat memastikan ahli menghasilkan buah sawit berkualiti tinggi bagi memenuhi standard antarabangsa.

"Kita pastikan ahli membeli buah sawit berkualiti mengikut standard dan kita mengajar pekebun supaya jangan potong buah muda," katanya.

MOPDA ditubuhkan pada 2010 bagi meningkatkan taraf peniaga sawit di Malaysia, selain giat mempromosikan industri komoditi berkenaan di persada antarabangsa.



Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA